

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8391

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status tindakan mahkamah yang diambil dalam insiden membakar patung bergambar Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng yang berlaku pada 13 September 2015 di Kelantan dan bilangan orang yang terbabit dalam insiden itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi perlakuan membakar patung YB Gelang Patah dan YB Bagan, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Kota Bahru report 18755/15 di mana kertas siasatan 1881/15 dibuka di bawah seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya pada 13 Oktober 2015 untuk arahan lanjut. Pihak polis tidak berhasrat untuk mendedahkan kes ini kerana masih dalam siasatan dan dikhuatiri boleh mengganggu proses siasatan yang dijalankan.